



27 SEPTEMBER 2018

UNTUK SIARAN SERTA MERTA

## CYBERSECURITY MALAYSIA SASAR UNTUK PUPUK GENERASI MILLENNIAL SEBAGAI WARGANEGARA DIGITAL BERHEMAH MENERUSI WACANA KESELAMATAN ICT

**KUALA LUMPUR (27 SEPTEMBER 2018)** – CyberSecurity Malaysia hari ini mengesa lebih banyak sekolah menengah di seluruh negara untuk menyertai wacana keselamatan ICT sebagai salah satu inisiatif meningkatkan kesedaran keselamatan siber serta memupuk kewarganegaraan digital berhemah dalam kalangan generasi millennial Malaysia.

Pertandingan Wacana Keselamatan ICT Kebangsaan – Piala Cabaran CyberSAFE atau NICTSeD merupakan wacana keselamatan ICT tahunan yang diadakan di dalam Bahasa Inggeris oleh CyberSecurity Malaysia. Pertandingan ini disokong oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) dan terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh Malaysia.

Tajuk pertandingan akhir NICTSeD 2018 adalah: ***“Malaysia’s National Child Protection Policy and Plan of Action on Child Online Protection is consistent with the Convention on the Rights of the Child and the country’s Child (Amendment) Act 2016 which aims to protect minors. This includes inappropriate cyber content. This is pertinent and important especially in the 4<sup>th</sup> Industrial Revolution. Categories of inappropriate cyber content include hate groups, violence, pornography, illegal activities, extremist groups, online advertising etc. Carry out a survey in your school. In your survey, you should indicate the current situation faced by minors. Propose a program/campaign to build cyber resilience to help minors cope with this predicament in the 4<sup>th</sup> Industrial Revolution”.*** Pertandingan akhir diadakan sempena



Anugerah, Persidangan dan Pameran - Keselamatan Siber Malaysia (CSM-ACE) 2018 dan disempurnakan perasmian oleh Menteri Pendidikan Malaysia, YB Dr. Maszlee Malik.

"Dalam era digital masa kini, kewarganegaraan digital yang berhemah adalah sangat penting. Kewarganegaraan digital memberi kuasa kepada generasi muda untuk meraih faedah dan menggunakan kemudahan teknologi digital secara selamat dan berkesan. Kita perlu mengajar mereka agar sentiasa berhati-hati apabila berada di alam siber serta bijak menilai kesahihan sumber maklumat yang diperolehi. Lebih utama apabila kita perlu mewujudkan masyarakat digital yang bertanggungjawab, dapat memanfaatkan teknologi dan sekali gus membantu dalam proses pengubalan dasar awam," kata YB Dr. Maszlee sewaktu berucap pada majlis penutup NICTSeD 2018.

YB Dr. Maszlee turut mengingatkan para peserta bahawa kebebasan di alam siber harus diseimbangkan dengan tanggungjawab. Beliau berkata dengan mengakses kandungan yang tidak sesuai, ianya berpotensi untuk merosakkan minda generasi muda, terutamanya golongan remaja dan situasi ini harus dipandang serius oleh semua pihak yang berkepentingan.

Pertandingan Wacana Keselamatan ICT Kebangsaan kali ke-enam ini disertai sebanyak 160 buah sekolah menengah di seluruh negara yang mengambil bahagian di dalam pertandingan peringkat negeri. 16 buah sekolah dengan seramai 80 orang pelajar telah berjaya ke pusingan kelayakan dan akhirnya dua (2) buah sekolah muncul sebagai finalis, iaitu Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Jit Sin, Pulau Pinang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Rahman Talib, Pahang.

"Ekonomi digital masa hadapan mewujudkan kekayaan melalui kreativiti, kolaborasi dan adakalanya bersama orang-orang yang belum pernah kita ditemui di alam siber. Di dalam alam siber masa hadapan, kejayaan bergantung kepada kebolehsuaian dan kelenturan. Justeru, kita perlu bina tenaga kerja muda yang berpengetahuan, dinamik serta berdaya tahan," kata YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia.

Dato' Ts. Dr. Amirudin turut menegaskan bahawa CyberSecurity Malaysia akan terus mensasarkan peningkatkan kreativiti dan kemahiran berfikir serta kritis dalam kalangan pelajar mengenai isu-isu Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan keselamatan siber

semasa serta penggunaan Internet secara positif. Selain itu, ia turut membantu dalam memupuk keyakinan diri serta kemahiran *interpersonal* menerusi pengucapan awam.

Setelah bersaing sengit serta bertindak cemerlang mengagum dan menyakinkan panel juri, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Jit Sin, Pulau Pinang muncul sebagai juara keseluruhan Pertandingan Wacana ICT Kebangsaan – Piala Cabaran CyberSAFE (NICTSeD) 2018. Juara dianugerahkan dengan Piala Cabaran CyberSAFE, sijil penyertaan serta wang tunai berjumlah RM5,000. Penyertaan pada pertandingan wacana sekolah ini telah berjaya mendedahkan para pelajar mengenai kemahiran berkomunikasi, skill penyelidikan serta keupayaan mengupas isu-isu keselamatan ICT, di mana ianya penting sebagai persediaan mereka menempuh alam pengajian di universiti.

NICTSeD 2018 juga turut disokong oleh DiGi Telecommunications, BAE Systems, Symantec serta Dewan Bahasa & Pustaka (DBP).

~ Tamat ~

---

*Dikeluarkan oleh Jabatan Outreach & Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia.*

*Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: [media@cybersecurity.my](mailto:media@cybersecurity.my) atau hubungi +603-89926888,*

*Mohd Shamil Mohd Yusoff (samb: 6978) / Zul Akmal Abdul Manan (samb: 6945)*